

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN KHOO SOO SEANG

TARIKH: 19 OKTOBER 2015

SOALAN:

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah butiran mengenai Sistem Insurans Pekerjaan (EIS) dan sumbangan yang perlu disalurkan dibawah sistem tersebut serta apakah kesan yang dikenalpasti kepada pihak perniagaan.

PR-1333-L69642

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang dicadangkan oleh Kementerian Sumber Manusia masih di peringkat perbincangan lanjut dengan "*stakeholders*" termasuk pihak majikan dan pihak pekerja.

2. Secara umumnya, SIP mempunyai 2 faedah utama iaitu--
 - (i) Bantuan kewangan sementara kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan iaitu dalam tempoh pekerja tersebut mencari pekerjaan baru; dan
 - (ii) *Active labour market policies* - bantuan dari segi kaunseling dan latihan bagi meningkatkan kebolehgajian (*employability*) pekerja tersebut serta bantuan pencarian dan pepadanan kerja bagi membantu pekerja mendapatkan pekerjaan baru secepat mungkin.

3. Cadangan SIP juga turut menetapkan sumbangan dalam nisbah yang sama oleh pihak majikan dan pekerja kepada dana SIP. SIP dikenal pasti sebagai satu sistem yang dapat membantu majikan menjadi lebih berdaya saing dalam keadaan ekonomi yang mencabar. SIP juga akan membantu meningkatkan fleksibiliti dan mobiliti pekerja terutama untuk mengadaptasi kepada bentuk-bentuk kemahiran baru yang diperlukan oleh pihak majikan bagi meningkatkan kebolehgajian pekerja tersebut. Pelaksanaan SIP yang matang dapat mengurangkan impak dari segi ekonomi dan sosial terhadap kedua-dua pihak majikan dan pekerja sekiranya pemberhentian pekerja tidak dapat dielakkan.

4. Sebagai contoh, Republik Korea yang merupakan salah satu negara yang dilawati oleh Kementerian menawarkan faedah seperti berikut kepada pihak majikan:

- (i) Majikan yang menghadapi masalah kewangan akan diberi bantuan dari segi elaun atau sebahagian bayaran gaji pekerja, bagi mengelakkan majikan daripada terpaksa memberhentikan pekerja;
- (ii) Majikan boleh menghantar pekerja untuk menjalani latihan *upskilling* yang diluluskan oleh SIP bagi meningkatkan kemahiran mereka, sekali gus membantu perniagaan meningkatkan produktiviti;
- (iii) Apabila permintaan dalam sesuatu sektor ekonomi menurun dan diambil alih oleh sektor lain, majikan boleh menghantar pekerja untuk menjalani latihan *reskilling* bagi membantu perniagaan membuat peralihan yang lancar ke sektor baharu dengan permintaan yang lebih tinggi;
- (iv) Melalui bantuan SIP, majikan akan menerima pekerja yang sepadan dengan keperluan dan kelayakan jawatan kosong di syarikat mereka. Ini akan mengurangkan keperluan untuk melatih pekerja-pekerja baharu;